



**MANUSKRIP KESUSASTERAAN TRADISIONAL MELAYU
SEKITAR TAHUN 1600 M: TELAAH SISTEM TULISAN JAWI
DAN ANALISIS PEMIKIRAN MELAYU NUSANTARA**

ISMAIL BIN ABD. RAHMAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH Ph.D (PENGAJIAN
KESUSASTERAAN MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2009



DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

31 Julai 2009

ISMAIL BIN ABD. RAHMAN
20031001039

PENGHARGAAN

Pertama kali saya panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah izin kurnia-Nya disertasi ini dapat juga disempurnakan seperti adanya dalam tempoh masa yang ditentukan, Alhamdulillah. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW - contoh dan teladan - membawa rahmat sekalian Alam, untuk umat Islam sejagat, darinya diharapkan *safaat*, segala upaya dan kekuatan, merenung dan muhasabah, untuk membangunkan diri, bangsa Melayu khususnya, umat Islam dan Islam seluruhnya!

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan. Ucap terima kasih dan penghargaan khas kepada penyelia saya: Prof. Dr. Haji Muhammad Bukhari Lubis yang tidak jemu-jemu membimbing dengan penuh dedikasi, serta Dr. Abd. Kadir bin Arifin yang bermurah hati, menyumbang idea, fikiran dan pandangan - membantu menyediakan disertasi ini sebaik-baiknya.

Tidak lupa juga, penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada staf sokongan Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, khususnya kepada Prof. Dr. Omar Abdul Kareem dan juga seluruh kakitangan Pusat Pengajian Siswazah. Penghargaan terima kasih juga kepada semua tenaga akademik dan kakitangan Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris, komitmen kalian tentunya banyak membantu, sepanjang tempoh pengajian saya di universiti ini.

Penghargaan dan terima kasih kepada warga Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Muzium Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka dan institusi yang berkaitan dengannya yang banyak membantu. Juga kepada Sasterawan Negara, Prof. Muhammad Haji Salleh., S. Othman Kelantan dan Datuk A. Samad Said; Dr. Abdullah Khir bin Sulaiman., Saudara Arifin Said., Saudara Hasan Morad, Pengarah Urusan Galeri Ilmu., rakan-rakan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara., Persatuan Penulis Kerian (PERENTAS); sahabat di SMK. Panglima Bukit Gantang dan Pejabat Pelajaran Daerah Kerian yang banyak memberi dorongan dan kata-kata perangsang menyokong segala usaha untuk menyediakan penyelidikan ini, terima kasih.

Sekalung penghargaan khas kepada ayahanda Haji Abd. Rahman b. Ibrahim, bonda Hajah Rafbah bt. Don, terima kasih kerana melahirkan, mendidik dan dengan penuh sabar, mendoakan; juga kepada isteri, Puan Nor Zakiah bt. Md. Kasa dan anak-anak Nurul Taqinah, Nurul Atiqah, Nurul Asyiqin, Mohamad Taqiyudin dan Nurul Shafiqah serta seluruh keluarga., kalian adalah sumber inspirasi, pendorong dan pembakar semangat sejak mula dulu, kini dan insya-Allah untuk masa-masa mendatang!

Akhir kalam, daku persembahkan usaha sekecil ini sebagai tanda mula kepada segala usaha yang lebih besar untuk tatapan generasi bangsaku, generasi yang pernah cemerlang, sekurang-kurangnya dalam lintasan sejarah silam, untuk bangun melakar sejarah masa depan yang lebih gemilang, Insya-Allah!

Wassalam

ABSTRAK

Kajian ini meneliti óManuskrip *kesusasteraan tradisional Melayu* sekitar 1600 Masihi: Telaah sistem ejaan dan pemikiran Melayu Nusantara.ô Kajian ini menggunakan pendekatan Teori Takmilah yang diperkenalkan oleh Dr. Shafie Abu Bakar yang menekankan aspek ókesempurnaanô sesebuah karya berkeupayaan pula ómenyempurnakanô khalayak sastra ke arah pembentukan insan *Kamil*. Kajian ini mendapati: tradisi tulisan, sistem ejaan dan tulisan Arab, sebaik sahaja terangkat sebagai bahasa *Al-Qur'ān*, bahasa *Wahyu* yang kemudiannya membentuk *lingua franca*, berfungsi sebagai medium utama gerakan penyebaran Islam di seluruh dunia dianggap begitu ósempurnaô sehingga kemudiannya ómenyempurnakanô sistem ejaan dan tulisan Jawi; ómenyempurnakanô fungsi dan peranan bahasa Melayu sebagai *lingua franca*, membangunkan tradisi penulisan dan persuratan, sekali gus menjana pertumbuhan dan perkembangan *kesusasteraan tradisional Melayu*. Kajian ini juga mendapati sejak awal lagi sistem ejaan dan tulisan Jawi telah berkembang melalui proses *penyerapan*, *adaptasi*, *asimilasi* dan *akomodasi*, mengubahsuai kaedah pemvokalan perkataan Jawi hingga akhirnya membentuk sistem ejaan dan tulisan Jawi sejak mula dulu hingga kini. Paling penting, sistem ejaan dan tulisan Jawi yang dianggap ósempurnaô itu turut ómenyempurnakanô teks *kesusasteraan tradisional Melayu*; ómenyempurnakanô pemikiran dan tradisi pemikiran, memperbaharui dan memperkukuh *akidah*, *syariat*, *tasawur* dan *akhlak* sehingga Islam begitu mudah diterima dan bertapak di Alam Melayu. Kajian ini juga mendapati, meskipun terdapat petunjuk wujud pengaruh Syiah, namun pengaruhnya tidak begitu membekas, merombak pemikiran dan tradisi pemikiran aliran Sunni dalam kalangan masyarakat di Alam Melayu. Sungguhpun gerakan dakwah penyebaran Islam tersebar meluas dalam kalangan masyarakat di Alam Melayu, namun dalam keadaan tertentu, ajaran terdahulu, terutamanya yang berkaitan dengan adat terus kekal diamalkan dalam kalangan masyarakat di Alam Melayu. Pun demikian, keadaan ini sudah memadai untuk merombak, mempengaruhi dan mendominasi amalan dan perlakuan dalam kalangan masyarakat sehingga kemudiannya begitu berjaya akhirnya menentukan, mempengaruhi, membina tamadun dan peradaban di Alam Melayu.

ABSTRACT

This research studies the traditional Malay Literature manuscript in 1600 A.D: Analyse the spelling system and the way of thoughts of the Malay Archipelago, analytically. This research uses the Takmilah Teory approach which was introduced by Dr. Shafie Abu Bakar, who emphasized the perfection aspects in writing and also capable of bringing perfection among literature enthusiasts. This research states that: the tradition of writing, spelling system and Arabic writing, as soon as it has been lifted as the *Al-Qur'ān* language, the *Wahyu* language which then forms the lingua franca, functions as the main medium in spreading Islam globally is thought as complete until there is a completion of the spelling system and *Jawi* writing; completion of its function and the role of Malay Language as lingua franca, to develop the ways of writing and sparks the growth and development of traditional Malay Literature. This research also claims that from the beginning the spelling system and *Jawi* writing developed through the process of absorption, adaptation, assimilation and accommodation, to adapt the *Jawi* writing vowels methodology and finally to form the spelling system and *Jawi* writing in the past and present. Most important, the spelling system and *Jawi* writing, which is thought as perfect also accomplished traditional Malay Literary texts, completion of thoughts and traditional thoughts, renew and reinforce *akidah*, *syariat*, *tasawur* and behaviour so much so that Islam is easily accepted and based in the Malay World. This research also shows that, although there is evidence of Syiah influence, however, the influence does not show any sign in the changes of thought from Sunni community in the Malay world. Although there is a widespread of Islamic movements, in certain cases, the past teachings especially in customs, still continued among the Malay Community. Nevertheless, this situation is enough to change, influence and dominate their practice and behaviour till it flourished and influenced the development as well as civilization of the Malay world.

	BAB I - PENDAHULUAN	
1.11	Hipotesis Kajian	48
1.12	Definisi Konsep	50
1.12.1	Bahasa	50
1.12.2	Sistem tulisan Jawi	52
1.12.3	Tulisan Jawi	52
1.12.4	Pemikiran	54
1.12.5	Tradisi, pemikiran dan tradisi pemikiran	54
1.12.6	Melayu dan Alam Melayu	61
1.12.7	Kesusasteraan tradisional Melayu sekitar 1600 Masihi	63
1.13	Kesimpulan	65
	BAB DUA - LATAR SEJARAH: TULISAN, SISTEM EJAAN DAN TULISAN JAWI	
2.1	Pengenalan	66
2.2	Latar sejaran tulisan	68
2.2.1	Bahasa, tulisan, pemikiran dan peradaban	68
2.2.2	Bahasa, pemikiran dan tradisi pemikiran	75
2.2.3	Sejarah dan imej tulisan di Alam Melayu	91
2.2.4	Sejarah tulisan dan aksara Arab dalam Tamadun Islam	109
2.3	Sistem ejaan dan tulisan Jawi di Alam Melayu	127
2.3.2	Istilah Jawi	132
2.3.3	Aksara Jawi: konsep dan kepentingan	138
2.3.4	Huruf tambahan	142
2.3.5	Penyebatian dan fungsi	152
2.3.6	Pengelompokan aksaran Jawi	158

	ejaaan dan tulisan Jawi	165
	Kajian sistem ejaaan dan tulisan Jawi	173
2.4.1	Kajian berasaskan daftar-istilah Bahasa Melayu	181
2.4.2	Kajian mengenai aksara tulisan Jawi	182
2.8	Kesimpulan	190

BAB TIGA - KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	192
3.2	Reka bentuk kajian	193
3.3	Persampelan: menentukan bahan manuskrip	194
3.4	Manuskrip kajian	196
3.4.1	<i>Hikayat Bayan Budiman</i>	196
3.4.2	<i>Hikayat Seri Rama</i>	197
3.4.3	<i>Hikayat Raja Pasai</i>	197
3.4.4	<i>Qasidah al-Burdah</i>	198
3.4.5	<i>Hikayat Muhammad Hanafiyyah</i>	198
3.4.6	<i>Al-Muntahi, Asrāruḍ-ḍĀrifīn, Sharābuḍ ḍĀshiqīn</i> dan <i>Himpunan puisi karya Hamzah Fansuri.</i>	199
3.5	Kaedah pemerolehan maklumat - sistem ejaaan dan tulisan Jawi	200
3.5.1	Transkripsi rumi bahan manuskrip	200
3.5.2	Melabel mengikut kategori	201
3.6	Kaedah analisis maklumat	203
3.7	Kaedah analisis maklumat aspek fikiran dan tradisi pemikiran	205
3.7.1	Melabel mengikut kategori	205
3.8	Kesimpulan	209



EJAAN DAN TULISAN JAWI: KAEDAH SASI PERKATAAN JAWI DUA SUKU KATA

4.1	Pengenalan	221
4.2	Perkembangan sistem vokalisasi - perkataan Jawi dua suku kata	222
4.2.1	Kaedah pemvokalan suku kata perkataan Jawi secara baris	222
4.2.2	Kaedah pemvokalan suku kata perkataan Jawi secara abjad	223
4.3	Perkembangan kaedah vokalisasi perkataan Jawi	224
4.3.1	Adakah terdapat perbezaan taburan kekerapan dan peratus perkataan Jawi yang divokalisasikan secara abjad dan baris secara keseluruhannya?	224
4.3.2	Adakah terdapat perbezaan taburan kekerapan dan peratus suku kata perkataan Jawi yang divokalisasikan secara baris dan secara abjad?	233
4.3.3	Adakah terdapat perbezaan taburan kekerapan dan peratus kaedah ejaan secara tunggal dan gandingan suku kata awal perkataan Jawi?	243
4.3.4	Adakah terdapat perbezaan taburan kekerapan suku kata akhir perkataan Jawi yang dieja secara tunggal dan gandingan?	251
4.3.5	Adakah terdapat perbezaan taburan kekerapan dan peratus huruf vokal dalam suku kata awal perkataan Jawi?	260
4.3.6	Adakah terdapat perbezaan taburan kekerapan dan peratus huruf vokal dalam suku kata akhir perkataan Jawi?	271
4.4	Perbincangan dapatan dalam kerangka teori Kang Kyoung Seock	281
4.5	Kesimpulan	300

BAB LIMA - SISTEM EJAAN DAN TULISAN JAWI: KAEDAH VOKALISASI DAN PEMBENTUKAN KATA

5.1	Pengenalan	302
5.2	Sistem ejaan dan tulisan Jawi ñ tiga dan lebih suku kata	303
5.2.1	Sistem ejaan dan tulisan Jawi, suku kata awal perkataan terbuka dan tertutup	303



de to d Expanded Features	engan sastra yang bersifat Takamul dan sur yang menganjur secara tersirat ke arah kebaikan.	459
6.2.5	Prinsip sastra sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah.	473
6.2.6	Prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri.	500
6.2.7	Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil.	522
6.3	Kesimpulan	531
BAB TUJUH- RUMUSAN DAN PERBINCANGAN		
7.1	Pengenalan	533
7.2	Dapatan, rumusan dan perbincangan	535
7.3	Kesimpulan	561
<i>Bibliografi</i>		563 - 577
<i>Lampiran</i>		
<i>Lampiran A</i>		578
<i>Lampiran B₁</i>		582
<i>Lampiran B₂</i>		583
<i>Lampiran C_{1.1}</i>		584
<i>Lampiran C_{1.2}</i>		587
<i>Lampiran C_{2.1}</i>		589
<i>Lampiran C_{2.2}</i>		590
<i>Lampiran C_{2.3}</i>		591
<i>Lampiran C_{2.4}</i>		592
<i>Lampiran C_{2.5}</i>		593

	594
Standard Features	595
<i>Lampiran D₂</i>	598
<i>Lampiran D_{3.1}</i>	604
<i>Lampiran D_{3.2}</i>	607
<i>Lampiran D_{4.1}</i>	613
<i>Lampiran D_{4.2}</i>	617
<i>Lampiran D_{5.1}</i>	623
<i>Lampiran D_{5.2}</i>	627
<i>Lampiran D_{5.3}</i>	630
<i>Lampiran D_{6.1}</i>	632
<i>Lampiran D_{6.2}</i>	636
<i>Lampiran D_{6.3}</i>	639
<i>Lampiran D_{7.1}</i>	641
<i>Lampiran D_{7.2}</i>	644
<i>Lampiran D_{8.1}</i>	650
<i>Lampiran D_{9.1}</i>	652
<i>Lampiran D_{9.2}</i>	654
<i>Lampiran D_{10.1}</i>	662
<i>Lampiran D_{10.2}</i>	665
<i>Lampiran D_{10.3}</i>	667
<i>Lampiran D_{11.1}</i>	669
<i>Lampiran D_{11.2}</i>	672
<i>Lampiran D_{11.3}</i>	674
<i>Lampiran D_{12.1}</i>	676
<i>Lampiran D_{12.1}</i>	679



XV

<i>Lampiran D_{13.3}</i>	685
<i>Lampiran D_{14.1}</i>	687
<i>Lampiran D_{15.1}</i>	688
<i>Lampiran D_{16.1}</i>	689
<i>Lampiran D_{17.1}</i>	690
<i>Lampiran E_{5.1}</i>	692
<i>Lampiran E_{5.2}</i>	695
<i>Lampiran E_{5.3}</i>	696
<i>Lampiran E_{5.4}</i>	697
<i>Lampiran E_{5.5}</i>	698
<i>Lampiran E_{5.6}</i>	699
<i>Lampiran E_{5.7}</i>	700
<i>Lampiran E_{5.8}</i>	701
<i>Lampiran E_{5.9}</i>	702
<i>Lampiran E_{5.11}</i>	703
<i>Lampiran E_{5.12}</i>	703
<i>Lampiran E_{5.13}</i>	705
<i>Lampiran E_{5.14}</i>	705
<i>Lampiran E_{5.15}</i>	707
<i>Lampiran E_{5.16}</i>	710
<i>Lampiran E_{5.17}</i>	713
<i>Lampiran E_{5.18}</i>	714
<i>Lampiran E_{5.19}</i>	714
<i>Lampiran E_{5.20}</i>	715



<i>Lampiran E_{5.23}</i>	718
<i>Lampiran E_{5.24}</i>	719
<i>Lampiran E_{5.25}</i>	720
<i>Lampiran E_{5.26}</i>	731
<i>Lampiran E_{5.27}</i>	733
<i>Lampiran E_{5.28}</i>	735
<i>Lampiran E_{5.29}</i>	736
<i>Lampiran E_{5.30}</i>	738
<i>Lampiran E_{5.31}</i>	740
<i>Lampiran E_{5.32}</i>	742
<i>Lampiran E_{5.33}</i>	744
<i>Lampiran E_{5.34}</i>	744
<i>Lampiran E_{5.35}</i>	745
<i>Lampiran E_{5.36}</i>	745

BAB SATU

Pengenalan dan Latar Kajian

1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan mencuba memberi gambaran jelas mengenai latar belakang kajian dengan memberi perhatian terhadap aspek latar sejarah tulisan, bahasa, pemikiran dan tradisi pemikiran serta hubungannya dengan kebudayaan dan peradaban masyarakat di Alam Melayu. Bab ini juga akan menjelaskan bahagian-bahagian khusus kajian ini seperti kepentingan dan tujuan kajian, persoalan kajian, kerangka konsep dan huraian, landasan teori dan pendekatan kajian serta definisi konsep-konsep tertentu yang berkaitan dengan kajian ini.

1.2 Latar Kajian

1.2.1 Latar Sejarah Alam Melayu

Penyebaran Islam di Alam Melayu sering mendapat perhatian para sarjana tempatan dan juga dari luar negara. Hal ini kerana penyebaran Islam memberi kesan langsung kepada pembinaan tamadun dan peradaban di Alam Melayu. Pensejarahan Alam Melayu yang dicatat dan dirakam oleh sejarawan berkepentingan dalam kalangan orientalis dan juga penduduk peribumi menghasilkan fakta yang samar dan kadang kala mengelirukan. Alam Melayu yang dikatakan tidak maju, mundur dan tidak bertamadun secara logiknya tidak akan dikunjungi, jauh sekali untuk menjadi rebutan. Sebaliknya wilayah ini bukan sahaja secara berterusan dikunjungi oleh ahli pelayaran atau pengembara dari seluruh dunia, bahkan secara berterusan menjadi rebutan dalam kalangan bangsa Eropah sejak ratusan tahun lamanya. Masing-masing berusaha memperkukuh kedudukan dan kuasa di Alam Melayu. Telah dibuktikan wujud kecenderungan dan kekerapan dalam kalangan ahli pelayaran dan pedagang dari Eropah, Timur Tengah, India dan China untuk mengunjungi dan berurusan dalam pelbagai bidang dengan masyarakat di wilayah ini. Ini bermakna telah wujud satu kerangka sistem yang teratur di Alam Melayu sehingga kerananya menimbulkan minat dan kecenderungan mendalam oleh sesiapa juga untuk berurusan dengannya (Hanapi Dolah, 1997: 65).

Sehingga kini, aspek pensejarahan proses penyebaran Islam di Alam Melayu masih samar-samar. Banyak fakta yang dianggap bersifat sejarah suatu ketika dulu, kini dikatakan menjadi bahan propaganda yang begitu memualkan. Teks *kesusasteraan tradisional Melayu*, misalnya *Sejarah Melayu* pernah dikaji oleh orientalis Barat terutamanya J.C. Bottoms, Winstedt dan Wilkinson, yang kemudiannya menolak teks *Sejarah Melayu* ini sebagai sumber sejarah yang di dalamnya terdapat kebenaran fakta sejarahnya. Tanggapan ini mengelirukan kerana kebenaran atau fakta sejarah dalam kalangan masyarakat Melayu tidak tertakluk kepada kebenaran fakta semata-mata, sebaliknya juga merujuk kepada pengajaran yang boleh diperoleh daripada sesuatu peristiwa yang dianggap sejarah itu. Peristiwa Singapura dilanggar tidak menurut pandangan masyarakat Melayu merupakan fakta sejarah kerana mengandungi nilai moralnya yang cukup jelas. Walau bagaimanapun dalam kalangan sejarawan Barat, peristiwa Singapura dilanggar tidak itu dianggap dongeng (Zaharah Ibrahim, 1986: viii). Demikian juga, teks *kesusasteraan tradisional Melayu* lainnya, sejak awal mula dulu diuar-uarkan sebagai amat dipengaruhi oleh tradisi Animisme, Hindu dan kini Islam, seolah-olah dalam kalangan masyarakat Melayu tidak pernah wujud sejarah kesusasteraannya sendiri. Walhal sebenarnya pengaruh-pengaruh itu tidak wujud sewenang-wenangnya, melainkan melalui proses kreativiti secara óluar biasa dalam kalangan masyarakat Melayu. Unsur-unsur tersebut melalui proses ópemelayuan dengan cara diserap, disaring dan diadaptasi sehingga kemudiannya

muncul dalam bentuk yang begitu harmoni dan sehati dalam kalangan masyarakat di Alam Melayu. Berikut, misalnya disenaraikan beberapa rumusan yang dikatakan teori mengenai proses penyebaran Islam di Alam Melayu yang dianggap remeh dan tidak mencapai tahap ke peringkat teori yang saintifik¹ oleh Syed Muhammad Naguib al-Attas (<http://www.penerbit.ukm.my/sp-syed-naquib.pdf>):

- (a) Faktor bahawa perdagangan membawa Islam ke kepulauan ini;
- (b) Faktor bahawa perdagangan, pegawai yang berkenaan dengan perdagangan, antaranya Syahbandar, dan perkahwinan antara orang Islam dan bukan Islam - inilah yang menyebarkan Islam dan melakukan pengislaman dalam kalangan masyarakat;
- (c) Faktor pertandingan antara orang-orang Islam dan Kristian, yang mempercepatkan penyebaran Islam, khususnya meliputi abad kelima belas dan ketujuh belas, yang dicitakan sebagai suatu terusan dari Peperangan Salib antara Islam dan agama Kristian;
- (d) Faktor kemudahan serta kepentingan politik yang dianggap sebagai satu motif atau sebab bagi memeluk agama Islam;
- (e) Faktor penghargaan nilai ideologi Islam dianggap sebagai yang terutama bagi memeluknya; dan
- (f) Faktor otoktoni, atau keadaan yang menganggap sesuatu itu telah sedia ada, sejak purbakala, sebagai kepunyaan atau sifat kebudayaan sesuatu masyarakat.

Faktor perdagangan (a) dan yang berkaitan dengannya, termasuk perkahwinan mubaligh Islam dengan penduduk tempatan dan keupayaan aspek

¹ Lihat juga *Malaysia Kita*, (1991: 79 ñ 82) mengenai teori kedatangan Islam di Asia Tenggara.



wilayah atau pelepasan yang mempunyai kedudukan yang strategik gagal dibangunkan sebaik-baiknya kerana tidak dikendalikan secara bijaksana. Misalnya, Melaka meskipun mencapai kemajuan setelah berjaya memanfaatkan kedudukan strategiknya di bawah kepemimpinan kesultanan Melayu, tidak lagi mampu berkembang, malah mengalami kemerosotan dan kemudiannya mundur setelah diduduki oleh Portugis pada tahun 1511 kerana tidak dikendalikan secara bijaksana. Kehadiran Portugis dan Belanda di Melaka kurang lebih selama 300 tahun tidak menakluki negeri-negeri Melayu dan masyarakat di Alam Melayu seluruhnya, tetapi melalui dasar monopoli dan kawalan ketenteraan terhadap hasil bumi dan laluan kapal perdagangan di Alam Melayu. Implikasinya, wujud sistem dagangan yang begitu berjaya membunuh ókuasa perdagangan dalam kalangan orang Melayu, nakhoda dan pembesar Melayu yang sejak sekian lama menjadi tunjang yang mendorong aktiviti perdagangan dalam kalangan masyarakat di Alam Melayu. Aktiviti ekonomi orang Melayu dialih ke daratan sebagai petani dan nelayan secara kecil-kecilan, berhadapan dengan undang-undang tanah, persaingan dan penindasan menyebabkan penguasaan ekonomi dalam kalangan masyarakat Melayu menjadi semakin menipis (Zainal Kling, 2005: 17 - 62). Bahkan, kini dapat difahami bahawa penguasaan Melaka dalam kalangan bangsa Eropah sebenarnya lebih bertujuan untuk menghancurkan kedudukan dan peranan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam, melebihi kepentingan untuk menguasai perdagangan di kepulauan Melayu.



PDF
Complete

*Your complimentary
use period has ended.
Thank you for using
PDF Complete.*

[Click Here to upgrade to Unlimited Pages and Expanded Features](#)

merumuskan perkara (c), iaitu bahawa wujud persaingan gerakan dakwah dalam kalangan orang-orang Islam dan Kristian sebagai lanjutan dari Peperangan Salib dikatakan telah mempercepatkan proses penyebaran Islam di Alam Melayu, khususnya sekitar abad ke-15 hingga abad ke-17 juga merupakan strategi propaganda yang mengaitkan gerakan dakwah Islam baik di Alam Melayu, mahupun di mana-mana juga dengan unsur-unsur kekerasan dan peperangan. Walhal, hal ini amat bertentangan dengan doktrin ajaran Islam, semangat dan gerakan dakwah dalam kalangan mubaligh Islam di seluruh dunia. Bahkan, dasar hukum mengenai kaedah perang, menunjukkan ciri kebijaksanaan dan sifat perikemanusiaan dalam kalangan pejuang Islam, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

óDan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan melakukan peperangan), kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh; ...kalau mereka memerangi kamu ...maka bunuhlah mereka ... kemudian, jika mereka berhenti memerangi kamu (maka berhentilah kamu) ... maka tidaklah ada permusuhan lagi melainkan terhadap orang-orang yang zalim.ó

(*Al-Quröān*, surah *al-Baqarah*: 190 ñ 193)

Dalam hal menentukan dan memilih agama sebagai anutan, Islam menghargai hak kebebasan beragama, memberi ruang kebebasan memilih yang sangat luas (dengan menggunakan kekuatan akal dan bimbingan *Wahyu*) sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah SWT dalam *Al-Qur'ān* yang bermaksud:

an dalam agama (Islam).ô

(*Al-Qur'ân*, surah *al-Baqarah*: 256)

Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeih dalam kitab tafsir *Pimpinan Ar-Rahman*, dalam huraianya mengenai ayat di atas menegaskan bahawa tidak ada unsur paksaan dalam Islam (melainkan kerelaan). Sehubungan dengannya, apa yang perlu, menurut beliau ialah memberikan penerangan dan dakwah kepada orang ramai dengan cara yang baik dan bijaksana serta dengan contoh-contoh amalan yang baik menurut ajaran Islam yang sebenar. Jika diteliti maksud ayat di atas dengan keterangan mengenainya, dapat difahami bahawa perkara yang paling penting dan utama dalam gerakan dan penyebaran Islam ialah usaha meningkatkan keupayaan untuk memahami intipati ajaran Islam yang tulen melalui tradisi keilmuan, penerangan dan dakwah dengan cara yang baik dan bijaksana; dan diikuti oleh contoh-contoh amalan yang baik (akhlak) menurut ajaran Islam yang sebenar.

Demikian juga, aspek (d), iaitu kemudahan dan kepentingan politik serta (e), iaitu melibatkan penghargaan kepada nilai ideologi Islam, mengenai ciri-ciri ajaran Islam yang dikatakan lebih mudah diterima (berbanding ajaran lain-lain agama) dikatakan penentu keberkesanan proses penyebaran Islam di Alam Melayu. Hal ini juga turut diragui kerana ajaran Islam di mana-mana pun tetap sama kerana bersumberkan *Wahyu*, *Al-Qur'ân* dan *al-Sunnah*. Sekiranya segala kemudahan dan kepentingan politik, penghargaan kepada nilai ideologi dan ciri-

Ciri ajaran Islam dijadikan sandaran untuk merumuskan keberkesanan misi gerakan penyebaran Islam di Alam Melayu, bermakna di mana-mana wilayah penyebarannya, Islam akan diterima secara mudah tanpa sebarang masalah penentangan. Maka, soal kemudahan dan kepentingan politik serta penghargaan kepada nilai ideologi merupakan perkara remeh yang secara sengaja diada-adakan dengan tujuan mengecil-ngecilkan keberkesanan proses penyebaran Islam, sumbangan dan peranan gerakan Islam membangunkan peradaban di Alam Melayu.

Sehubungan dengan perkara (d) dan (e) bahawa penegasan perkara (f), iaitu faktor otoktoni atau sesuatu keadaan yang dianggap telah sedia wujud, dianggap sebagai kepunyaan atau menjadi milik kebudayaan sesuatu masyarakat. Maka, tindakan mengamalkan sesuatu yang telah sedia ada dianggap sebagai suatu peniruan dan lanjutan daripada apa yang telah sedia ada itu bukannya suatu pembaharuan. Faktor otoktoni yang diuar-uarkan merupakan sebahagian usaha untuk menegaskan bahawa gerakan golongan *tasawuf* Islam merupakan peniruan daripada kandungan amalan yang telah sedia ada sejak purbakala (Syed Muhammad Naguib al-Attas: <http://www.penerbit.ukm.my/sp-syed-naguib.pdf>). Menurut pandangan sejarawan, sejak ketibaan ahli-ahli *tasawuf* inilah Islam tersebar secara meluas dalam kalangan masyarakat di Alam Melayu. Ahli-ahli *tasawuf* ini memperlihatkan kecenderungan akhlak, sifat lemah lembut dan berbudi bahasa umumnya telah menarik minat masyarakat setempat untuk

menganuti Islam (Munawudin Haji Yahaya, 2001: 7). Soalnya, sekiranya benar bahawa gerakan dan amalan golongan *tasawuf* Islam yang terkemudian itu dianggap menyamai dengan kandungan amalan yang telah sedia ada sejak purbakala, apakah ini bermakna dan semestinya merupakan suatu peniruan? Apakah tidak mungkin sesuatu yang dianggap menyamai itu bukan suatu peniruan, sebaliknya berlaku secara kebetulan? Bahkan, ada kemungkinan sesuatu yang dianggap sebagai baru itu kerap kali juga merupakan sebahagian atau keseluruhan daripada apa yang telah dikenali sebelum ini?

Demikian juga, sejarawan bertelagah pendapat mengenai usaha menentukan soal wilayah asal penyebaran Islam di Alam Melayu. Syed Muhammad Naguib al-Attas (<http://www.penerbit.ukm.my/sp-syed-aguib.pdf>) menegaskan bahawa pandangan yang menyatakan Islam tersebar di Alam Melayu melalui Gujarat atau dari wilayah lain bukan dari Asia Barat merupakan satu kesilapan kerana perihal akidah pelbagai mazhab ilmu *tasawuf*, peribentuk tulisan Jawi dan corak beberapa hurufnya, nama gelaran bagi hari-hari mingguan, cara melafazkan *Al-Qur'ān* dan beberapa perkara penting lainnya menyatakan ciri-ciri tegas dalam kalangan bangsa Arab, bukan dari India, sebagai pembawa dan penyebar asli agama Islam di Kepulauan Melayu. Bahkan, menurut A. Hasjmy (1987: 260) semenjak abad pertama hijrah lagi agama Islam telah masuk secara langsung dari Arab ke Alam Melayu (*Malaysia Kita*, 1991: 74; dan A.Hasjmy, 1987: 260).